MOHD NAZARUDDIN KHAIRUDIN lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMADI ASNAWI HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05(M)-46-01-2018]
20 SEPTEMBER 2019

KETERANGAN: *Kawad cam – Pengecaman – Tertuduh dituduh melepaskan tembakan daripada senjata api semasa melakukan rompakan dengan niat menyebabkan kecederaan – Tertuduh dicamkan oleh mangsa melalui kawad cam – Faktor-faktor yang dipertimbangkan – Sama ada tempoh masa antara tarikh kejadian dengan tarikh kawad cam dekat – Sama ada saksi berpeluang memerhati tertuduh – Sama ada kawasan persekitaran kondusif untuk menghasilkan kualiti pengecaman yang baik – Sama ada terdapat kemungkinan kesilapan identiti – Sama ada keterangan kawad cam boleh diterima – Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, s. 3*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh disabitkan atas kesalahan melepaskan tembakan daripada senjata api semasa melakukan rompakan dengan niat menyebabkan kecederaan – Sabitan berdasarkan kawad cam oleh mangsa rompakan – Sama ada kualiti kawad cam baik dan boleh dipercayai – Sama ada kawad cam boleh dijadikan sandaran – Tertuduh dijatuhkan hukuman mati – Sama ada sabitan dan hukuman selamat – Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, s. 3*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 – Seksyen 3 – Melepaskan tembakan daripada senjata api semasa melakukan rompakan dengan niat menyebabkan kecederaan – Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman*

Perayu dituduh di Mahkamah Tinggi kerana melepaskan tembakan daripada senjata api semasa melakukan rompakan dengan niat menyebabkan kecederaan, satu kesalahan bawah s. 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta'). Kes pendakwaan mendedahkan bahawa perayu, yang dikatakan memakai topi keledar 'full face visor' gelap, telah memasuki sebuah pusat aksesori kereta ('pusat') dan mencampakkan beg di atas lantai lalu meminta pekerja-pekerja pusat tersebut memasukkan duit ke dalamnya. Kejadian berlaku pada kira-kira jam 6.30 petang. Selepas melepaskan satu das tembakan, yang mengenai paha salah seorang pekerja ('SP6') di situ, perayu beredar membawa beg tersebut dan membonceng sebuah motosikal. Walau bagaimanapun, perayu berjaya ditangkap dan sepucuk pistol ('eksh. P15C') turut dirampas daripadanya. Dalam satu kawad cam, SP6, bersama-sama rakan sekerjanya ('SP7'), mengecam perayu sebagai lelaki yang merompak pusat tersebut. Menurut SP6 dan SP7, mereka berpeluang

bercakap dan berdepan dengan perayu untuk satu masa singkat dan dapat melihat mata, hidung dan misai perayu melalui 'visor' gelap topi keledarnya. Pada masa sama, satu kelongsong peluru dan anak peluru yang ditemukan di tempat kejadian disahkan ditembak menggunakan eksh. P15C. Berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, hakim bicara memanggil perayu membela diri. Dalam pembelaannya, perayu menyatakan (i) pada hari kejadian, perayu menunggang motosikal manakala rakannya yang sudah meninggal dunia ('Man Kechik') memboncengnya ke tempat kejadian dengan tujuan melakukan samun; (ii) setibanya di tempat kejadian, Man Kechik masuk ke dalam pusat tersebut manakala perayu menunggu di luar; (iii) beberapa minit kemudian, perayu terdengar satu das tembakan dilepaskan dari arah pusat tersebut dan Man Kechik dilihat keluar tergesa-gesa dari pusat tersebut menuju ke arahnya; (iv) selepas membonceng motosikal, Man Kechik mengarahkan perayu meninggalkan tempat kejadian; (v) perayu tidak tahu Man Kechik ada membawa senjata api; dan (vi) perayu menafikan melakukan rompakan dan melepaskan tembakan yang mengenai paha SP6. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara berpendapat (i) pembelaan perayu satu penafian semata-mata dan gagal menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan; dan (ii) perayu adalah saksi yang tidak bercakap benar kerana cuba meletakkan kesalahan pada Man Kechik yang sudah meninggal dunia. Perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati. Maka timbul rayuan ini terhadap sabitan dan hukumannya. Menyokong rayuannya, perayu menghujahkan (i) sabitan terhadapnya tidak selamat akibat kualiti pengecaman lemah kerana (a) kejadian samun berlaku pada kira-kira jam 6.30 petang; dan (b) perayu pula dikatakan memakai topi keledar 'full face visor' gelap; (ii) kawad cam untuk mengenal pasti pelaku rompakan dilakukan kira-kira dua setengah bulan selepas kejadian; (iii) tiada bahan-bahan bukti dikemukakan yang boleh mengaitkan perayu dengan barang-barang suspek seperti topi keledar; dan (vi) tiada bukti forensik yang ditemukan di tempat kejadian untuk mengaitkan perayu dengan kesalahan yang membentuk pertuduhan terhadapnya.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Ahmadi Asnawi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kualiti pengecaman terhadap perayu, oleh SP6 dan SP7, lemah sekali dan bukan berasaskan 'fleeting glance'. Walaupun SP6 dan SP7 ada bercakap dan melihat muka perayu secara berdepan, ini tidak menjelaskan bagaimana mereka boleh mengecam wajah perayu kerana SP6 dan SP7 sendiri mengatakan perayu memakai topi keledar 'full face visor' gelap. SP6 dan SP7 juga tidak menyatakan asas mereka dapat mengecam perayu sebagai pelaku rompakan yang melepaskan tembakan mengenai paha SP6. Tambahan lagi, kejadian rompakan berlaku kira-kira jam 6.30 petang ketika remang-remang senja mula berlabuh. (perenggan 37-40)

(2) Kawad cam terhadap perayu dilakukan kira-kira dua setengah bulan selepas kejadian rompakan. Pihak pendakwaan tidak menjelaskan kenapa kawad cam terhadap perayu hanya dilakukan pada 1 September 2013 sedangkan kejadian rompakan berlaku pada 14 Jun 2013 dan perayu pula ditangkap pada 19 Ogos 2013. Tidak boleh disangkal bahawa tempoh dua setengah bulan adalah tempoh yang lama. Semakin lama tempoh, semakin pudar ingatan seseorang; lebih-lebih lagi apabila melibatkan gambaran atau imej seseorang. (perenggan 41-43)

(3) SP6 dan SP7 mendakwa dapat mengecamkan perayu kerana dapat melihat mata, hidung dan misai perayu melalui 'visor' gelap topi keledar perayu. Namun begitu, SP6 dan SP7 tidak menyatakan apa-apa yang istimewa tentang mata, hidung dan misai perayu hingga meninggalkan kesan besar dalam proses pengecaman perayu. Pengecaman oleh SP6 dan SP7 nyata tercemar dengan keraguan dan ketidakpastian. Kebergantungan pada proses pengecaman sedemikian tidak selamat dan, dengan mudah, boleh mendedahkannya pada kesilapan identiti. (perenggan 46 & 47)

(4) Faktor-faktor yang perlu diambil kira dan dipertimbangkan sebagai sebahagian inti pati proses pengecaman yang kental adalah seperti (i) tempoh masa lama antara tarikh kejadian dengan tarikh kawad cam; (ii) tempoh masa saksi berpeluang memerhati pesalah/suspek; (iii) kemudahan dan peluang saksi melihat dan memerhatikan pesalah/suspek; dan (iv) kawasan persekitaran kondusif untuk menghasilkan kualiti pengecaman yang baik dan 'reliable' seperti keadaan cuaca, pencahayaan dan halangan visual. (perenggan 49)

(5) Keterangan yang menyatakan anak peluru yang dijumpai di dalam pusat tersebut telah dilepaskan oleh eksh. P15C, yang dikatakan dirampas daripada perayu, tidak boleh diguna untuk meletakkan perayu di tempat kejadian pada masa material. Saksi atau pegawai yang dikatakan merampas pistol tersebut daripada perayu tidak dipanggil memberi keterangan demi mengesahkan eksh. P15C yang dikemukakan di mahkamah, dan yang digunakan semasa ujian balistik, adalah pistol sama yang dirampas daripada perayu. Kegagalan memanggil saksi ini mewujudkan lompang besar yang menjejaskan kes pendakwan. Apa-apa keterangan tentang pistol tersebut adalah 'hearsay' belaka. (perenggan 54 & 55)

(6) Sabitan dan hukuman terhadap perayu tidak selamat. Keputusan hakim bicara diketepikan dan diganti dengan perintah agar perayu dilepaskan dan dibebaskan serta merta. (perenggan 56 & 57)

A ***English*** *Headnotes*

The appellant was charged at the High Court, for discharging a firearm in the commission of a robbery with the intention to cause hurt, an offence under s. 3 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 ('the Act'). The prosecution's case disclosed that the appellant, while allegedly wearing a full B face, dark visored helmet, entered into a car accessories centre ('centre') and threw a bag on the floor, demanding the employees of the centre to fill the bag with cash. The incident took place around 6.30pm. After firing a shot, which hit the thigh of one of the centre's employee ('SP6'), the appellant fled with the bag and rode pillion on a motorcycle. However, the appellant was C arrested and a pistol ('exh. P15C') was seized from him. In an identification parade, SP6, along with his colleague ('SP7'), identified the appellant as the man who robbed the said centre. According to SP6 and SP7, they had the opportunity to speak and were face to face with the appellant for a short period of time and could see the appellant's eyes, nose and moustache D through the dark visor of his helmet. At the same time, a bullet shell and a bullet found at the crime scene were confirmed to have been discharged using exh. P15C. Satisfied that the prosecution had established a *prima facie* case, the trial judge called the appellant to enter his defence. In his defence, the appellant submitted that (i) on the fateful day, the appellant rode a E motorcycle, with his deceased friend ('Man Kechik') riding pillion, to the crime scene with the intention to commit robbery; (ii) upon their arrival, Man Kechik entered the centre while the appellant waited outside; (iii) a few minutes later, the appellant heard the sound of shots being fired coming from the said centre and Man Kechik was seen hurriedly leaving the centre; (iv) after riding pillion, Man Kechik instructed the appellant to leave the F crime scene; (v) the appellant had no knowledge that Man Kechik was carrying a firearm; and (vi) the appellant denied committing the robbery and firing the shot that hit SP6's thigh. At the conclusion of the defence's case, the trial judge opined that (i) the appellant's defence was a mere denial and failed to cast reasonable doubt on the prosecution's case; and (ii) the G appellant was not a truthful witness as he tried to shift the blame on Man Kechik who had passed away. The appellant was found guilty, convicted for the offence and sentenced to death. Hence, the present appeal against his conviction and sentence. In support of his appeal, the appellant argued that (i) the conviction against him was unsafe as the identification parade was of H a weak quality because (a) the robbery occurred around 6.30pm; and (b) the appellant was said to wear a full face, dark visored helmet; (ii) the identification parade to identify the robber was carried out two and a half months after the occurrence of the incident; (iii) there were no evidence adduced to link the appellant with the suspected items such as the helmet; I and (iv) there was no forensic evidence found at the crime scene to link the appellant with the offence forming the charge against him.

Held (allowing appeal)
Per Ahmad Asnawi JCA delivering the judgment of the court:

(1) The quality of the identification of the appellant by SP6 and SP7 was very weak and not based on a fleeting glance. Even though SP6 and SP7 spoke to the appellant and directly saw his face, this did not explain how they could have identified the appellant's face as SP6 and SP7 admittedly said that the appellant was wearing a full face, dark visored helmet. In addition to that, SP6 and SP7 did not state the basis that allowed them to identify the appellant as the robber who fired a shot which hit SP6's thigh. Furthermore, the robbery took place around 6.30pm which was near the start of dusk.

(2) The identification parade of the appellant was carried out two and a half months after the robbery. The prosecution failed to proffer an explanation as to why the identification parade of the appellant was only carried out on 1 September 2013 when the robbery occurred on 14 June 2013 and the appellant was arrested on 19 August 2013. It was irrefutable that the period of two and a half months was a long one. The longer the period, the dimmer a person's memory gets; especially when it concerns the image or the description of a person.

(3) SP6 and SP7 stated that they could identify the appellant as they saw the appellant's eyes, ears and moustache through the dark visor of his helmet. However, SP6 and SP7 failed to state what was so distinctive about the appellant's eyes, nose and moustache that left a significant mark in the process of identifying the appellant. The identification by SP6 and SP7 were clearly tainted by doubt and uncertainty. The reliance placed on such identification process was unsafe and could easily expose the same to a mistaken identity.

(4) The factors that need to be considered and taken into account, to form a solid identification process include (i) the long period between the date of the incident and the date of the identification parade; (ii) the duration of time which afforded a witness to observe the offender/suspect; (iii) the availability of convenience and opportunity for the witness to see and observe the offender/suspect; and (iv) a conducive surrounding to enable a quality and reliable identification such as the weather, lighting and visual obstacles.

(5) The evidence led that a bullet found at the centre was discharged from exh. P15C, which was allegedly seized from the appellant, could not be accepted to place the appellant at the crime scene at the material time. The witness or the officer who allegedly seized the pistol from the appellant was not called to testify to confirm that exh. P15C adduced in court, and the one used in the ballistic test, was the same pistol seized

from the appellant. The failure to call this witness created a big gap that jeopardised the prosecution's case. Any evidence on the pistol was absolute hearsay.

(6) The conviction and sentence against the appellant was not safe. The decision of the trial judge was set aside and substituted with an order of an immediate acquittal and discharge of the appellant.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Arumugam Muniandy & Ors [2018] 1 LNS 369 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, s. 3

Bagi pihak perayu - Arik Zakri; T/n The Chambers of Arik And Kamal
Bagi pihak responden - Mohamed Faizal Mohamed Fedder, Hamdan Hamzah; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45D-1-02-2014 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Di Mahkamah Tinggi, perayu telah didapati sabit bersalah dan dikenakan hukuman mati mandatori atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 14.6.2013 jam lebih kurang 6.30 petang bertempat di Pusat Aksesori Kereta JW Vehicle Alarm & Auto Accessories, No. 11A-1, Jalan PJU 8/3B, Perdana Business Centre, Damansara Perdana, dalam Daerah Petaling, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melepaskan tembakan daripada suatu senjata api semasa melakukan kesalahan berjadual iaitu rompakan dengan niat menyebabkan kecederaan ke atas seorang lelaki bernama Sim Keng Peng (No. K.P 840725-10-5101) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

[2] Rayuan di hadapan kami adalah berkaitan dengan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas perayu tersebut. Kami telah membenarkan rayuan perayu. Dengan itu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana diketepikan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan dengan serta-merta.

[3] Sekarang kami perturunkan alasan-alasan kami.

Fakta Kes

[4] Kejadian berlaku pada petang 14 Jun 2013, di Pusat Aksesori Kereta JW Vehicle Alarm & Auto Accessories, di Damansara Perdana.

[5] Pada masa yang material, pekerja-pekerja Pusat Aksesori tersebut, SP6 (Sim Keng Peng) dan SP7 (Lian Kean Wai), dan rakan mereka, Soo Tiang Kok berada di dalam kedai tersebut.

[6] Sekitar jam 6.30 petang, seorang lelaki berjaket hitam dan bertopi keledar bertutup penuh dengan cermin atau "visor" berwarna gelap, yang kemudian dicamkan oleh SP6 dan SP7 sebagai perayu, telah masuk ke dalam kedai tersebut.

[7] Perayu, yang bersenjatakan pistol warna hitam, telah mencampakkan sebuah beg ke atas lantai dan meminta SP6 dan kawan-kawannya memasukkan duit ke dalam beg tersebut.

[8] Pada mulanya SP6 dan kawan-kawannya menyangka pistol tersebut adalah pistol mainan.

[9] SP6 kemudiannya telah memasukkan pelbagai jenis resit ke dalam beg tersebut kerana wang kutipan harian untuk hari tersebut telah diambil oleh ketuanya pada kira-kira jam 6 petang.

[10] Sebelum beredar, perayu telah melepaskan satu das tembakan yang mengenai paha kiri SP6. Akibatnya SP6 telah jatuh terbaring dengan paha kirinya berlumuran darah.

[11] Perayu mengambil beg tersebut lalu melarikan diri dengan menaiki motosikal yang ditunggang oleh rakannya yang tidak dapat dicamkan.

[12] SP4 (ASP Mohd Nawawi bin Yaakob) yang menjalankan pemeriksaan forensik di tempat kejadian telah menemui satu kelongsong peluru jenis SME 9MM5-04 (eks. P15F) dan satu anak peluru berkaliber 9mm.

[13] Pada 19 Ogos 2013, perayu telah ditangkap. Sepucuk pistol jenis Walter P66 (eks. P15C) dikatakan turut dirampas daripada perayu.

[14] Dalam kawad cam yang diadakan pada 1 September 2013, SP6 dan SP7 telah mengecam perayu sebagai lelaki yang merompak Pusat Aksesori berkenaan pada hari kejadian.

[15] Ekshibit D16 adalah laporan kawad cam tersebut (di ms. 47 hingga 49) jilid 3, rekod rayuan (RR)).

[16] Menurut SP6 dan SP7, mereka dapat mengecam wajah perayu kerana mereka telah bercakap dan berdepan dengan perayu untuk satu masa yang singkat.

[17] SP5 (ASP Nik Mohd Norhisyam bin Nik Ismail), pegawai forensik dari bahagian Unit Siasatan Balistik, Makmal Forensik PDRM, Cheras, mengesahkan hasil analisanya menunjukkan bahawa anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian telah ditembak dengan menggunakan senjata api yang dikatakan dirampas daripada perayu semasa perayu ditangkap (pistol jenis Walter P66 (eks. P15C)).

[18] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu di atas pertuduhan yang dikenakan tersebut. Di ms. 11, alasan penghakiman, jilid 1, rekod rayuan (RR), hakim bicara menyatakan:

> [29] Mengenai elemen pertama, adalah jelas daripada keterangan SP6 dan SP7 bahawa Tertuduh telah melakukan kesalahan merompak iaitu kesalahan berjadual. Identiti Tertuduh dapat dicam secara positif oleh SP6 dan SP7. Mereka dapat melihat muka Tertuduh meski pun Tertuduh memakai topi keledar bertutup penuh. SP6 dan SP7 ada bercakap dan melihat muka Tertuduh secara berdepan. Rompakan telah berlaku walaupun tiada barang berharga diperolehi oleh Tertuduh.
>
> [30] Mengenai elemen kedua, adalah jelas bahawa Tertuduh menggunakan senjata api dan melepaskan tembakan yang mengenai SP6. SP6 mendapat cedera. Keterangan ini disahkan oleh mangsa SP6 dan SP7. Ia disokong oleh keterangan SP4 dan SP5.
>
> [31] Ketidakpengemukaan pistol adalah tidak fatal. SP6 mendapat cedera kerana tembakan. SP5 mengesahkan kelongsong dan anak peluru yang dijumpai di kedai tersebut daripada senjata api ...

[19] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[20] Perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

Pembelaan Perayu

[21] Perayu menyatakan pada hari kejadian, rakannya arwah Man Kechik (Azman b Aini), telah mengajaknya untuk melakukan samun. Selepas didesak, dia bersetuju untuk mengambil bahagian dengan memberikan syarat untuk hanya membawa atau memandu motosikal ke tempat samun dirancang hendak dilakukan.

[22] Perayu telah memandu motosikal yang dibawa oleh Man Kechik ke tempat kejadian. Man Kechik pula menunggang motosikal tersebut sebagai pembonceng.

[23] Sesampainya di tempat kejadian, Man Kechik telah meminta perayu supaya menunggu di luar, manakala Man Kechik sendiri telah masuk ke dalam Pusat Aksesori tersebut.

[24] Selang beberapa minit kemudian, perayu mendengar satu das tembakan dilepaskan dari arah Pusat Aksesori tersebut.

[25] Apabila perayu menoleh ke arah Pusat Aksesori tersebut, dia nampak Man Kechik keluar dari pusat tersebut dengan tergesa-gesa dan terus menuju ke arahnya.

[26] Selepas membonceng motosikal, Man Kechik mengarahkannya untuk segera meninggalkan tempat kejadian tersebut.

[27] Perayu mengatakan dia tidak tahu Man Kechik ada membawa senjata api.

[28] Perayu turut menafikan melakukan rompakan tersebut dan melepaskan tembakan yang mengenai paha SP6.

[29] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati dari demeanournya, perayu adalah seorang saksi yang tidak bercakap benar dan cuba meletakkan kesalahan ke atas Man Kechik yang telah meninggal dunia. Pembelaan perayu merupakan satu penafian semata-mata dan perayu gagal untuk menyangkal bahawa dialah yang telah melakukan rompakan dengan senjata api dan menembak SP6. Seterusnya, identiti perayu telah dicamkan oleh SP6 dan SP7 secara positif.

[30] Pada akhirnya hakim bicara yang bijaksana mendapati pembelaan perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan bahawasanya pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Justeru itu, perayu didapati bersalah dan disabitkan di atas kesalahannya. Perayu telah dikenakan hukuman mati seperti diperuntukkan di bawah s. 3, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Rayuan Perayu

[31] Peguam bela perayu yang bijaksana mengunjurkan bahawa sabitan ke atas perayu tidak selamat kerana kualiti pengecaman perayu adalah lemah. Kejadian samun berlaku pada lebih kurang jam 6.30 petang dan perayu memakai topi keledar dengan "full face visor" bercermin gelap. Seterusnya kawad cam yang melibatkan perayu untuk mengenal pasti identiti pelaku rompakan tersebut hanya dilakukan kira-kira 2½ bulan selepas tarikh kejadian. Dihujahkan juga bahawa tiada bahan bukti-bukti dikemukakan yang boleh mengaitkan perayu dengan paraphernalia suspek seperti topi keledar. Begitu juga bukti forensik yang ditemui di tempat kejadian tidak dapat mengaitkan perayu dengan kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya.

[32] Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") yang bijaksana pula menghujahkan bahawa SP6 dan SP7 telah mengecam perayu sebagai pelaku kesalahan dengan positif. Kejadian rompakan berlangsung selama 4 hingga 10 minit dan dalam tempoh tersebut SP6 dan SP7 telah bercakap-cakap dengan perayu secara bersemuka ("face to face"). Jarak antara mereka hanya antara 3 hingga 8 kaki. Dalam tempoh masa dan jarak tersebut, SP6 dan SP7 dapat mengecam perayu dengan positif sekali. Dihujahkan bahawa pengecaman perayu oleh SP6 dan SP7 bukan berasaskan kepada "fleeting glance" tetapi pertembungan "face to face" untuk tempoh antara 4 hingga 10 minit dan dari jarak yang dekat iaitu dari 3 hingga 8 kaki.

[33] Kejadian rompakan berlaku pada 14 Jun 2013; perayu ditangkap pada 19 Ogos 2013; dan kawad cam ke atas perayu hanya dilakukan pada 1 September 2013. Fakta ini menunjukkan bahawa kawad cam dilakukan kira-kira 2½ bulan selepas kejadian rompakan. Menurut TPR yang bijaksana, tempoh tersebut adalah tempoh yang munasabah.

[34] Seterusnya, TPR yang bijaksana menghujahkan bahawa ujian balistik oleh SP5 mengesahkan bahawa anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian telah dilepaskan ("discharged") dari pistol eks. P15C yang dikatakan dirampas daripada perayu. Ini dengan sendirinya mengesahkan bahawa perayu ada di tempat kejadian pada masa yang material tersebut dan telah melepaskan tembakan yang mengenai paha SP6.

Dapatan Kami

[35] Seperti dinyatakan terdahulu, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa SP6 dan SP7 telah mengecamkan identiti perayu secara positif dan mereka dapat melihat muka perayu meskipun perayu memakai topi keledar bertutup penuh ("full face helmet").

[36] Namun begitu, hakim bicara tidak menyatakan bagaimana mungkin pengecaman tersebut boleh dilakukan dalam keadaan seperti itu.

[37] Sungguhpun SP6 dan SP7 ada bercakap dan melihat muka perayu secara berhadapan, ini masih tidak menjelaskan bagaimana mereka boleh mengecam wajah perayu sedangkan perayu dikatakan oleh kedua-dua SP6 dan SP7 memakai topi keledar bertutup penuh dengan cermin ("visor") berwarna gelap.

[38] Lagipun kejadian rompakan itu berlaku kira-kira jam 6.30 petang, ketika remang-remang senja mula berlabuh.

[39] SP6 dan SP7 juga tidak menyatakan atas asas apakah mereka dapat mengecam perayu sebagai pelaku rompakan yang telah melepaskan tembakan yang mengenai paha SP6.

[40] Kami bersetuju pengecaman ke atas perayu bukan berasaskan kepada "fleeting glance", namun dalam hal ehwal keadaan keseluruhan kes ini seperti dihuraikan di atas, kami mendapati bahawa kualiti pengecaman ke atas perayu oleh SP6 dan SP7 adalah lemah sekali. Ia tidak menghapuskan "lingering doubt" bagaimana SP6 dan SP7 dapat mengecam perayu walhal pada setiap masa yang material perayu memakai topi keledar bertutup penuh dengan "visor" berwarna gelap.

[41] Fakta menunjukkan bahawa kawad cam ke atas perayu oleh SP6 dan SP7 hanya dilakukan kira-kira 2½ bulan selepas kejadian rompakan tersebut. TPR yang bijaksana menyatakan tempoh ini adalah tempoh yang munasabah.

[42] Namun begitu, TPR yang bijaksana tidak memberikan sebarang alasan untuk mengukuhkan kenyataan itu. Adalah sesuatu yang tidak disangkal bahawa tempoh 2½ bulan tersebut adalah satu tempoh yang lama. Hakikatnya semakin lama tempoh tersebut maka semakin pudarlah ingatan seseorang itu. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan gambaran atau imej seseorang.

[43] Pun begitu, pihak pendakwaan juga tidak menjelaskan kenapa kawad cam ke atas perayu hanya dilakukan pada 1 September 2013, walhal perayu telah ditangkap pada 19 Ogos 2013. Kejadian rompakan pula berlaku pada 14 Jun 2013.

[44] Sungguhpun kawad cam telah dilakukan 2½ bulan dari tarikh kejadian rompak, SP6 dan SP7 berjaya mengecam perayu dalam kawad cam tersebut (diadakan pada 1 September 2013).

[45] SP6 dan SP7 mendakwa dapat mengecamkan perayu kerana dapat melihat hidung, mata dan misai perayu melalui cermin ("visor") topi keledar perayu yang berwarna gelap (lihat ms. 26, jilid 2, RR).

[46] Namun SP6 dan SP7 tidak menyatakan apakah istimewanya hidung, mata dan misai perayu sehingga meninggalkan "impact" yang "significant" dalam proses pengecaman perayu.

[47] Pada hemat kami, pengecaman yang dilakukan oleh SP6 dan SP7 tersebut nyata dicemari dengan keraguan dan ketidakpastian ("uncertainty"). Kebergantungan kepada proses pengecaman yang sedemikian adalah tidak selamat. Ia dengan mudah boleh mendedahkan proses pengecaman itu kepada kesilapan identiti ("mistaken identity").

[48] Keterangan SP6 di ms. 29, jilid 2, RR, mengukuhkan pandangan/dapatan kami:

S: **Pada perompak tadi, kamu ada nampak apa yang special pada muka dia**?

J: **Tiada yang special. Sebab tidak tumpukan dengan teliti. Sebab dia ada visor.**

S: **Setuju tak muka perompak itu kamu tidak boleh tengok keseluruhannya**?

J: **Setuju.**

S: Telinga tidak boleh lihat?

J: Tidak boleh.

S: Dahi tidak boleh nampak?

J: Tidak boleh.

S: Rambut dia pun kamu tidak boleh nampak?

J: Tidak nampak.

S: Ketebalan kening pun kamu tidak tahulah?

J: Saya tidak nampak.

S: Ada tak nampak apa-apa yang luar biasa seperti tatu atau parut?

J: Tidak nampak kerana pada masa itu dia memakai baju jaket berlengan panjang. (penekanan ditambah)

[49] Pada hemat kami, faktor-faktor seperti tempoh masa yang lama antara tarikh kejadian dengan tarikh kawad cam; tempoh masa saksi berpeluang memerhati pesalah/suspek yang terlibat dengan kejadian; kemudahan dan peluang saksi untuk melihat dan memerhatikan pesalah/suspek yang terlibat dengan kejadian; dan kawasan persekitaran yang kondusif untuk menghasilkan kualiti pengecaman yang baik dan "reliable" seperti keadaan cuaca, pencahayaan dan halangan visual perlulah diambil kira dan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada inti pati proses pengecaman yang kental. Dalam kes ini, nyata sekali bahawa dari petikan keterangan seperti dihuraikan di perenggan [48] di atas, pandangan visual SP6 dan SP7 telah terhalang oleh topi keledar bertutup penuh dengan cermin atau "visor" berwarna gelap yang dipakai oleh pelaku rompakan.

[50] Mahkamah ini dalam kes *PP v. Arumugam Muniandy & Ors* [2018] 1 LNS 369; [2018] MLRAU 104 telah menyatakan:

> [25] Our courts have repeatedly stated that due to the inherent fallibility of human observation and memory, the evidence of identification should be approached with caution as it is dangerously unreliable. It is not so much the question of whether the identifying witness is sincere, honest or even confident about the identity of the person or persons he or she identified. A court has to be satisfied that the evidence is reliable and that every possibility of an honest but mistaken identity is excluded.

[51] Kami mendapati bahawa keterangan SP6 dan SP7 berkaitan dengan pengecaman perayu gagal untuk melepasi "threshold" di atas. Dalam hal ehwal keseluruhan kes ini, dakwaan SP6 dan SP7 tentang identiti perayu sebagai pelaku dalam kejadian rompakan tersebut tidak mencukupi untuk menyisihkan kebarangkalian kedua-dua mereka telah tersilap cam tentang identiti perompak yang sebenar.

[52] Seterusnya, keterangan SP5 yang menyatakan anak peluru yang dijumpai dari dalam kedai tempat kejadian telah dilepaskan daripada pistol eks. P15C yang dikatakan dirampas daripada perayu tidak boleh digunakan untuk meletakkan perayu di tempat kejadian pada masa yang material tersebut.

[53] Secara lebih spesifik, pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada keterangan tentang pistol eks. P15C yang dikatakan dirampas daripada perayu untuk meletakkan perayu di tempat kejadian pada masa yang material tersebut. (The prosecution cannot rely on the evidence of the pistol allegedly seized from the appellant to place the appellant at the scene of crime at the material time).

[54] Ini kerana saksi atau pegawai yang dikatakan merampas pistol tersebut daripada perayu tidak dipanggil memberi keterangan untuk mengesahkan bahawa ekshibit pistol P15C yang dikemukakan di mahkamah dan yang digunakan oleh SP5 untuk ujian balistiknya adalah pistol yang sama yang beliau rampas daripada perayu. Kegagalan untuk memanggil saksi tersebut telah mewujudkan lompang yang besar dalam kes pendakwaan. Kelompangan ini adalah "fatal" bagi kes pihak pendakwaan.

[55] Maka apa-apa keterangan berkenaan dengan pistol tersebut yang diberikan oleh pegawai penyiasat, SP8 (ASP(B) Ranjit Singh (IO pertama)) dan SP9 (ASP Ramesh a/l Nagayah (IO kedua)) adalah hearsay belaka.

Kesimpulan

[56] Berdasarkan kepada segala alasan di atas, kami berpendapat bahawa sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah tidak selamat.

[57] Dengan itu kami membenarkan rayuan perayu. Keputusan hakim bicara yang bijaksana diketepikan sepenuhnya dan digantikan dengan perintah supaya perayu dilepaskan dan dibebaskan dengan serta-merta.